



KENYATAAN MEDIA
Ketua Pengarah
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)
BERKENAAN

SENARAI HOTEL DAN DAPUR SEKITAR WILAYAH
PERSEKUTUAN YANG TELAH MENDAPAT SIJIL HALAL
MALAYSIA
SEHINGGA 9 OGOS 2010

1. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ingin memaklumkan sehingga tarikh 9 Ogos 2010, sebanyak 22 hotel dan 51 buah dapur di sekitar Wilayah Persekutuan telah diberikan pensijilan halal Malaysia oleh JAKIM. Dalam satu kenyataan media pada tarikh 23 Julai 2010 yang lalu, saya telah menasihati para pengusaha hotel JAKIM agar segera mendapatkan sijil halal Malaysia dari JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Hal ini penting bagi mengalakkan para pengguna dikalangan umat Islam berbuka puasa di hotel yang telah disahkan halal oleh badan yang berautoriti sama ada JAKIM atau JAIN.
2. Bermula pada bulan Mei hingga Julai 2010, JAKIM telah menerima permohonan daripada 9 buah hotel. Dalam jumlah tersebut, sebanyak 4 buah hotel telah mendapat kelulusan manakala 5 daripadanya sedang dalam proses.

3. Pada 9 Ogos 2010 sahaja, JAKIM telah menerima permohonan daripada 10 buah hotel. Sebanyak 2 buah hotel telah selesai bagi proses dokumentasi makanala 8 daripadanya masih dalam proses semakan dokumen dan dijangka akan disegerakan proses pengauditan sebaik proses semakan dokumentasi selesai.
4. Semasa kempen 1Malaysia 1Halal yang telah diadakan pada 6-8 Ogos baru-baru ini di Danga Bay Johor Bharu, sebanyak 50 buah hotel telah datang menghadiri taklimat pensijilan halal bagi sektor perhotelan yang diadakan di Puteri Pacific Johor Bharu. Hal ini menunjukkan kesedaran yang semakin meningkat dikalangan pengusaha hotel dan ini merupakan petanda yang baik.
5. Seperti kelazimannya, sempena ketibaan bulan Ramadan al-mubarak pada tahun ini, Jabatan ini mengambil pendekatan memaklum dan menasihatkan masyarakat Islam di negara ini yang memilih untuk berbuka puasa di hotel atau menganjurkan majlis-majlis berbuka di hotel agar memilih hotel atau premis yang telah disahkan halal oleh JAKIM atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).
6. Selain itu, saya ingin menasihati para pengusaha hotel yang belum memiliki sijil halal agar tidak menyalahguna terma-terma yang boleh mengelirukan para pengguna seperti 'buffet Ramadhan' kerana ia adalah perbahaasan halal dan boleh diambil tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan (KPDNK) di bawah Akta Perihal Dagangan 1972.

7. Bersama-sama ini disertakan senarai hotel di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah mendapat sijil halal dari JAKIM sebagaimana yang dilampirkan. Orang ramai juga boleh melayari web halal di www.halal.gov.my untuk membuat semakan hotel halal di negeri berkenaan.
8. Atas perhatian dan kerjasama pihak media dalam mewar-warkan perkara ini kepada orang awam diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya Yang Menurut Perintah,

DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ

**SENARAI HOTEL/DAPUR HOTEL DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR YANG TELAH
MENDAPAT SIJIL PENGESAHAN HALAL MALAYSIA JAKIM**

SEHINGGA 9 OGOS 2010

BIL	HOTEL	DAPUR
1	ANCASA HOTEL KUALA LUMPUR	1) BANQUET KITCHEN 2) PASTRY KITCHEN 3) SAFFRON BRASSERIE (KITCHEN) 4) BUTCHER ROOM
2	BRISDALE INTERNATIONAL HOTEL SDN BHD	1) RESTORAN SITI KHADIJAH
3	CRYSTAL CROWN HOTEL SDN BHD	1) CROWN CAFE @ CRYSTAL CROWN HOTEL
4	DYNASTY HOTEL KUALA LUMPUR	1) ASEANA COFFEE HOUSE (LEVEL 1) 2) BANQUET KITCHEN (LEVEL 4) 3) PASTRY KITCHEN
5	FALCON POINT SDN BHD (CITRUS HOTEL KL)	1) CITRUS HOTEL MAIN KITCHEN
6	GRAND SEASONS HOTEL	1) CHINESE BANQUET KITCHEN @ 2ND FLOOR 2) O'LAS KITCHEN - WESTERN, LOCAL COLD, PANTRY @ B1 FLOOR 3) PASTRY KITCHEN @ GROUND FLOOR 4) INDIAN FOOD KITCHEN @ 1ST FLOOR 5) LOCAL KITCHEN @ B1 6) PASTRY KITCHEN @ GROUND FLOOR 7) INDIAN FOOD KITCHEN @ B1 8) CHINESE / BANQUET KITCHEN @ 2ND FLOOR 9) WESTERN KITCHEN @ B1
7	KL AIRPORT HOTEL SDN BHD (PAN PACIFIC KLIA)	1) DEGREES KITCHEN 2) PASTRY KITCHEN 3) BANQUET MAIN KITCHEN
8	KLI HOTEL MANAGEMENT SDN BHD	1) TOPPOT CAFE
9	LOTUS NATION SDN BHD (HOTEL PUTRA)	1) D SERAI (DAPUR PASTRI) 2) SELESA CAFE- ARAS 2 HOTEL PUTRA KL 3) RESTORAN TEMASYA 4) SELESA CAFE- SELESA INN KUALA LUMPUR
10	MAKANA CATERING	1) MAKANA CATERING
11	METROPLEX HOLDINGS SDN BHD (LEGEND HOTEL KL)	1) DI ATAS BRASSERIE / MAIN KITCHEN 2) MUSEUM CHINESE RESTAURANT

12	MIDAH HOTEL KUALA LUMPUR	1) MAIN KITCHEN
13	MING COURT HOTEL (KL) SDN BHD (CORUS HOTEL, KUALA LUMPUR)	1) DONDANG SAYANG COFFEE HOUSE
14	PG HOTEL SDN BHD	1) BANQUET KITCHEN 2) AROMAS COFFEE HOUSE
15	PLATINUM PINANG SDN BHD (PUTERI PARK HOTEL)	1) CENTRAL KITCHEN 2) LOUNGE KITCHEN
16	PNB DARBY PARK EXECUTIVE SUITES (HOTEL), KUALA LUMPUR	1) PNB DARBY CAFE 2) THE 39 RESTAURANT
17	QUALITY HOTEL CITY CENTRE	1) BENTENG COFFEE HOUSE KITCHEN 2) MALAY KITCHEN 3) PASTRY KITCHEN 4) MEISAN KITCHEN
18	RESIDENCE HOTEL AT UNIVERSITI TENAGA NASIONAL	1) RESIDENCE HOTEL AT UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)
19	SERI PACIFIC CORPORATION SDN BHD (SERI PACIFIC HOTEL KUALA LUMPUR)	1) OUTLET ZENDE KITCHEN 2) OUTLET BANQUET KITCHEN 3) OUTLET XUANG XI KITCHEN 4) OUTLET PASTRY KITCHEN
20	SYARIKAT MALURI SDN BHD (HOTEL MALURI)	1) BISTRO
21	THE PLAZA HOTEL KUALA LUMPUR	1) MAIN KITCHEN
22	TRADEWINDS HOTELS & RESORTS SDN. BHD.	1) TAMAN SARI KITCHEN 2) BANQUET KITCHEN
	JUMLAH HOTEL : 22	JUMLAH DAPUR : 51

SENARAI PERMOHONAN/LULUS/GAGAL HOTEL BERMULA PADA BULAN

MEI HINGGA JULAI 2010

BIL	NAMA HOTEL	TARIKH MOHON	STATUS
1	JB SENTRAL	6/5/2010	DALAM PROSES
2	SERI MALAYSIA IPOH	26/5/2010	LULUS
3	MAYOR HOTEL	25/5/2010	DALAM PROSES
4	GOLD COURSE	27/5/2010	DALAM PROSES
5	SERI MALAYSIA TAIPING	7/6/2010	LULUS
6	SHANGRI LA	16/6/2010	DALAM PROSES
7	CRYSTAL CROWN	13/7/2010	LULUS
8	GRAND CONTINENTAL	27/7/2010	DALAM PROSES
9	GRAND SEASONS	29/7/2010	LULUS

DALAM PROSES : 5

LULUS : 4

GAGAL : 0